

Pembekal Penjagaan Kesihatan Notis dan Persetujuan Privasi Data

BioMarin International Limited (“BioMarin”) dengan ini memberikan anda maklumat yang diperlukan berkenaan pemprosesan data peribadi yang anda amanahkan kepada BioMarin. Pemprosesan data peribadi akan dilaksanakan selaras dengan prinsip kualiti, integriti, pematuhan undang-undang dan ketelusan, serta dengan memastikan perlindungan terhadap privasi dan hak anda.

BioMarin mematuhi undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Peraturan Perlindungan Data Umum Kesatuan Eropah (GDPR), Akta Perlindungan Maklumat Peribadi dan Dokumen Elektronik Kanada (PIPEDA), Akta Privasi Australia 1988, serta undang-undang privasi negeri dan wilayah lain yang berkaitan berhubung pengumpulan, penggunaan, pengurusan, penyimpanan dan pendedahan maklumat peribadi.

1. PENGAWAL DATA ialah entiti sah BioMarin yang dinyatakan di atas dengan pejabat berdaftar yang terletak di 6th Floor, 2 Grand Canal Square, Dublin 2, Dublin, D02 A342, Ireland.

2. PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (DPO)

Pegawai Perlindungan Data yang berdaftar dengan Suruhanjaya Perlindungan Data Ireland telah dilantik dan boleh dihubungi melalui saluran berikut:

Pegawai Privasi Data Global
 BioMarin International Limited
 6th Floor, 2 Grand Canal Square
 Dublin 2, Dublin
 D02 A342, Ireland.
 Tel + 353 1 479 4300
EMEAprivacy@bmrn.com

3. JENIS DATA YANG DIPROSES: Data peribadi anda contohnya., nama pertama, nama keluarga, alamat profesional, nombor telefon bimbit, maklumat media sosial, dan sebagainya.

4. ASAS UNDANG-UNDANG DAN TUJUAN PEMROSESAN: Data peribadi yang anda berikan secara sukarela kepada BioMarin akan diproses bagi tujuan-tujuan berikut:

ASAS UNDANG-UNDANG	TUJUAN
Dengan persetujuan anda	Antara tujuan-tujuan tersebut termasuklah <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti pemasaran langsung (contohnya., penghantaran e-mel promosi, jemputan ke acara, atau kemas kini peraturan); • Penyelidikan, analisis pasaran dan tinjauan (contohnya., tinjauan dalam talian, soal selidik melalui e-mel atau maklum balas secara bersemuka).
Demi kepentingan sah kami	Antara tujuan-tujuan tersebut termasuklah <ul style="list-style-type: none"> • Memproses data peribadi anda untuk tujuan pengurusan perhubungan pelanggan (termasuk pemprofilan);

	<ul style="list-style-type: none">• Pengumpulan permintaan untuk sampel ubat-ubatan percuma ;• Menguruskan prosedur perakaunan pentadbiran (iaitu berkaitan pelaksanaan aktiviti organisasi, pentadbiran, kewangan dan perakaunan).
Untuk melaksanakan kewajipan kontrak kami	Antara tujuan-tujuan tersebut termasuklah : <ul style="list-style-type: none">• Mengurus tawaran dan menyediakan kontrak;• Pengebilan, penginvoisan dan pengurusan penggabungan atau pemerolehan.
Untuk mematuhi undang-undang	Antara tujuan-tujuan tersebut termasuklah: <ul style="list-style-type: none">• Aktiviti pemantauan di kemudahan kami (contohnya., pematuhan terhadap peraturan kesihatan dan keselamatan);• Melindungi kepentingan ekonomi kita melalui pelaporan (contohnya., percukaian, keperluan undang-undang, pengurusan salah laku atau penipuan yang boleh didakwa);• Pengarkiban dan penyimpanan rekod yang diwajibkan oleh undang-undang.

Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan data peribadi anda, BioMarin mungkin tidak dapat memenuhi beberapa tujuan yang dinyatakan dalam jadual di atas.

Sila ambil maklum bahawa BioMarin mungkin akan menggunakan data peribadi anda bersama dengan teknologi yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda atau untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan saintifik kami. Ini termasuk penggunaan AI bagi tugas seperti mengenal pasti hubungan dalam data saintifik, menganalisis dokumen atau menambah baik platform farmakologi klinikal. Sistem kami mungkin memproses pelbagai jenis data, termasuk maklumat peribadi seperti butiran perhubungan. BioMarin mengambil langkah untuk mengesahkan bahawa teknologi AI yang digunakan mematuhi undang-undang yang berkenaan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Akta AI Kesatuan Eropah. Selain itu, kami mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi data anda, termasuk melaksanakan perlindungan teknikal dan organisasi yang sesuai.

5. TEMPOH PENYIMPANAN DATA ATAU KRITERIA UNTUK MENENTUKAN TEMPOH TERSEBUT

Pemrosesan akan dijalankan secara automatik dan manual, dengan langkah teknikal dan organisasi yang bertujuan untuk menjamin keselamatan dan kerahsiaan maksimum data peribadi anda, untuk melindungi hak kebebasan anda, oleh individu yang ditugaskan secara khusus untuk tujuan tersebut (contohnya, pekerja atau rakan kerjasama, pentadbir sistem pihak ketiga yang mempunyai kontrak dengan BioMarin, dan sebagainya). Data peribadi anda akan disimpan selama tempoh yang diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas, iaitu tujuan data peribadi anda telah dikumpulkan dan diproses, serta untuk memenuhi keperluan undang-undang atau perakaunan, atau kewajipan komunikasi. Dalam menentukan tempoh penyimpanan yang sesuai untuk data peribadi anda, BioMarin mengambil kira tujuan ia diproses dan sama ada tujuan tersebut dapat dipenuhi dengan cara lain, sifat dan kuantiti data tersebut, serta dalam apa jua keadaan, mematuhi tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Apabila tempoh penyimpanan tamat, BioMarin akan memusnahkan data peribadi anda dengan selamat selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

6. SKOP PENDEDAHAN DAN KOMUNIKASI

Data anda yang tertakluk kepada pemprosesan tidak akan didedahkan kepada umum tetapi mungkin dikongsi dengan syarikat yang mempunyai kontrak dengan BioMarin untuk memenuhi kontrak atau tujuan perniagaan yang berkaitan. Data peribadi akan dikomunikasikan kepada penerima yang memproses data dalam peranan mereka sebagai pemproses data dan/atau sebagai individu yang bertindak di bawah kuasa Pengawal Data bagi tujuan yang disenaraikan di atas. Data tersebut mungkin dikomunikasikan kepada pihak lain daripada kategori berikut: Syarikat dan korporat yang berkaitan, syarikat atau individu yang membekalkan perkhidmatan untuk pengurusan sistem maklumat dan rangkaian telekomunikasi yang digunakan oleh BioMarin (termasuk e-mel), firma atau syarikat yang beroperasi dalam bidang sokongan, perundingan dan penyediaan perkhidmatan dalam mana-mana sektor, pihak berkuasa yang berwajib bagi memenuhi kewajipan undang-undang dan/atau arahan daripada organisasi kerajaan/awam, jika diminta, syarikat atau individu berikutan penggabungan, pengambilalihan, pemindahan aset atau sekiranya dalam kes kebangkrutan. Entiti yang tergolong dalam kategori tersebut melaksanakan fungsi Pemproses Data atau beroperasi secara autonomi sepenuhnya sebagai Pengawal Data yang berasingan. Senarai pemproses data sentiasa dikemas kini dan boleh didapati dari pejabat BioMarin International Ltd.

7. PEMINDAHAN DATA KE NEGARA PIHAK KETIGA DAN/ATAU ORGANISASI ANTARABANGSA

Data anda juga boleh dipindahkan ke luar negeri, wilayah, negara atau bidang kuasa kerajaan lain untuk mencapai tujuan yang dinyatakan di atas, tetapi sentiasa mematuhi had dan syarat yang ditetapkan oleh undang-undang untuk perlindungan data peribadi. Oleh itu, data akan dipindahkan berdasarkan perlindungan yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh undang-undang perlindungan data yang berkenaan. Contohnya, klausa kontrak standard yang diluluskan oleh EU atau terma kontrak lain yang mengikat atau persetujuan anda.

8. HAK SUBJEK DATA

Bergantung pada undang-undang negara tempat tinggal anda, anda mungkin mempunyai hak berikut. Tertakluk kepada had undang-undang tertentu, hak ini termasuk:

- Hak untuk mengakses data peribadi anda serta maklumat tambahan seperti asal usul data tersebut, tujuan ia dikumpul, diproses dan dipindahkan serta penerima data tersebut;
- Hak untuk membetulkan atau memadam data peribadi anda (hak untuk dilupakan);
- Hak untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda;
- Hak kemudahan data, iaitu hak untuk mendapatkan semula data anda atau menghantarnya kepada pihak ketiga dalam kes tertentu;
- Hak untuk membantah apabila BioMarin bergantung pada kepentingan sahnya;
- Hak untuk menarik balik persetujuan pada bila-bila masa; dan
- Hak untuk membantah membuat keputusan automatik, termasuk pemprofilan.

Untuk melaksanakan mana-mana hak di atas, atau jika anda ingin berhenti menerima e-mel atau komunikasi lain daripada kami, anda boleh membuat permintaan sama ada dengan menghubungi kami (rujuk butiran hubungan di bawah) atau dengan melengkapkan borang Permintaan Subjek Data *di sini*. BioMarin akan menilai permintaan anda selaras dengan Prosedur Permintaan Hak Subjek Data, tertakluk kepada undang-undang dan pengecualian yang berkenaan dan akan memberikan maklum balas dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkaitan.

Jika anda adalah penduduk EEA, UK, CH, Australia atau Kanada dan merasakan hak perlindungan data anda telah dilanggar oleh BioMarin, anda mempunyai hak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data tempatan anda. Pihak berkuasa penyeliaan utama untuk BioMarin di Eropah ialah Suruhanjaya Perlindungan Data Ireland (lihat www.dataprotection.ie), di Australia, ialah Pejabat Pesuruhjaya Maklumat Australia (lihat <https://www.oaic.gov.au/>), dan di Kanada, ia adalah Pejabat Pesuruhjaya Privasi Kanada (<https://www.priv.gc.ca/en/report-a-concern/>).

PERSETUJUAN UNTUK PEMROSESAN (JIKA DIPERLUKAN)

Saya, Dr. _____ (nama dalam huruf besar)

mengisytiharkan bahawa saya telah membaca Notis Privasi BioMarin di atas berkenaan pemprosesan data peribadi saya dan

Saya bersetuju / Saya tidak bersetuju untuk: menerima daripada Pengawal Data e-mel, SMS, panggilan telefon dan surat fizikal yang mengandungi maklumat promosi / kandungan kemas kini saintifik termasuk contohnya penyelidikan / tinjauan / jemputan ke acara, kongres, webinar.

Untuk Kanada, negara CIS, negara Timur Tengah dan Turkiye:

Saya bersetuju / Saya tidak bersetuju untuk: Maklumat perubatan dan saintifik dan aktiviti perakaunan pentadbiran – pemprosesan berkaitan maklumat perubatan dan saintifik mengenai produk farmaseutikal dan aktiviti berkaitan serta aktiviti pentadbiran/perakaunan;

Untuk pemindahan data peribadi merentasi sempadan antarabangsa (untuk negara CIS dan Timur Tengah):

Saya bersetuju / Saya tidak bersetuju kepada: pemindahan data peribadi saya seperti yang dinyatakan di atas dan mengakui bahawa saya telah dimaklumkan dengan secukupnya tentang risiko pemindahan tersebut. Saya faham bahawa BioMarin hanya akan memindahkan data peribadi yang dinyatakan di atas kepada entiti yang diperincikan dalam borang ini dan hanya untuk tujuan yang dinyatakan di atas.

Tempat: _____ Tarikh: ___/___/___

Tandatangan pengamal: _____